

Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 18 Ogos 2021

Kepada Semua

Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Penolong Naib Canselor
Rektor UiTM Cawangan/Dekan Fakulti/Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit/ Staf dan Pelajar
Universiti Teknologi MARA

ویرگاتة ورحمة الله عليكم و السلام dan selamat sejahtera

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan

MAKLUMAN PEMBATALAN PENGGUNAAN FRASA “PRIHATIN RAKYAT:DARURAT MEMERANGI COVID-19” DAN PENGGUNAAN FRASA “WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030” DALAM URUSAN SURAT RASMI

Dengan hormatnya surat daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri, rujukan JPM.100-1/11/1 JLD2(35) bertarikh 16 Ogos 2021 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan Proklamasi Darurat yang dibuat pada 12 Januari 2021 yang lalu dan sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya penjawat awam menghayati dan memberi komitmen sepenuhnya kepada langkah-langkah yang diambil dalam menangani pandemik COVID-19 ini, satu frasa baharu iaitu “**PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**” ditambah sebelum frasa “**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**” dalam penyediaan surat rasmi. Frasa ini digunakan selagi mana Proklamasi Darurat masih berkuat kuasa. Arahan ini telah dikeluarkan melalui surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, rujukan: JPA.BPP(S)193/6/84 Jld.4(4) bertarikh 26 Januari 2021. Majlis Eksekutif Universiti Bil. 4/2021 pada 27 Januari 2021 bersetuju agar surat menyurat di UiTM menggunakan frasa tersebut.

3. Merujuk kepada Kenyataan Media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 3 Ogos 2021, Proklamasi Darurat ini telah pun berakhir pada 1 Ogos 2021. Selaras dengan penamatan ini, maka frasa “**PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**” tidak lagi terpakai penggunaan dalam semua urusan penyediaan surat rasmi kerajaan termasuk di Jabatan Perdana Menteri.

Universiti Teknologi MARA

Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2500 / 2233
Faks: (+603) 5544 3210



Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 18 Ogos 2021

4. Dalam pada itu, Surat Ketua Setiausaha Negara, rujukan JPM.100-15/3/9 Jld.2(11) bertarikh 12 Julai 2021 memaklumkan Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 10 Mei 2021 bersetuju penggunaan slogan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dalam urusan rasmi Kerajaan termasuk dalam *letterhead* Kementerian dan agensi sebagai salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam mempromosikan WKB 2030. Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan cadangan slogan "**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**" untuk diguna pakai dalam urusan rasmi Kerajaan kepada semua Kementerian dan agensi Kerajaan.

5. Majlis Eksekutif Universiti dalam mesyuarat Bil. 27/2021 pada 18 Ogos 2021:
- i. mengambil maklum penamatan frasa **PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**". Tarikh kuat kuasa penamatan adalah 18 Ogos 2021.
 - ii. bersetuju menggunakan slogan "**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**" dalam urusan surat menyurat di UiTM. Tarikh kuat kuasa penggunaan adalah mulai 18 Ogos 2021. Penggunaan slogan adalah seperti berikut:

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang benar
(tanda tangan)

6. Sekian untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan selanjutnya. Terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang benar



PROFESOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor